

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENDAFTARAN TANDA PENGENALAN KEKAL HAIWAN

No. Dokumentasi: APTVM2(34):1/2015

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

**ARAHAN PROSEDUR TETAP
VETERINAR MALAYSIA**

**PENDAFTARAN TANDA PENGENALAN
KEKAL HAIWAN**

No. Dokumentasi: APTVM2(34):1/2015

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA	iii
1.0 PENGENALAN	1
2.0 OBJEKTIF	2
3.0 SKOP	2
4.0 DEFINISI	2
5.0 KATA SINGKATAN	4
6.0 ARAHAN AM	4
7.0 PROSEDUR KERJA	6
8.0 RUJUKAN	11
9.0 SENARAI LAMPIRAN	11
LAMPIRAN 1: CONTOH KAD PENDAFTARAN BRAND TERNAKAN	13
LAMPIRAN 2: BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN BRAND TERNAKAN	14
LAMPIRAN 3: LOKASI BRANDING DI BADAN HAIWAN	17
LAMPIRAN 4: PERALATAN DAN KAEDAH HOT IRON BRANDING	14
LAMPIRAN 5: PERALATAN TEMPOH TEKAPAN FREEZE BRANDING	20
LAMPIRAN 6: PERALATAN DAN KAEDAH FREEZE BRANDING	21
LAMPIRAN 7: PERALATAN KAEDAH TATTOOING	23
LAMPIRAN 8: PERALATAN DAN KOD KAEDAH EAR NOTCHING	24
JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM	25
PENGHARGAAN	25

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA PENDAFTARAN TANDA PENGENALAN KEKAL HAIWAN

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) Pendaftaran Tanda Pengenalan Kekal Haiwan ini merupakan panduan rasmi kepada anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam menjalankan kerja-kerja pendaftaran tanda pengenalan kekal haiwan bagi ternakan penternak-penternak dalam industri penternakan di Malaysia. Perintah Tanda Pengenalan Binatang 2014 ini termaktub dibawah kuasa undang-undang Akta Binatang 1953 (Akta 647) Seksyen 79(1).

Industri ternakan di Malaysia berkembang pesat dari tahun ke tahun. Mengikut statistik kecurian ternakan dari tahun 2010-2014, kerugian yang dicatatkan menghampiri RM4.5 juta. Akibat daripada peningkatan kes-kes kecurian haiwan ternakan setiap tahun, DVS telah mengesyorkan supaya tanda pengenalan yang kekal digunakan. Tanda pengenalan kekal haiwan yang memberi identifikasi kekal dapat membantu untuk melaksanakan tindakan undang-undang bagi kes-kes kecurian yang dibawa ke mahkamah.

Tanda pengenalan kekal haiwan ternakan ini juga amat penting dalam kawalan penyakit berjangkit ekonomik dan zoonotik di mana pergerakan ternakan dapat dipantau secara efisien. Kaedah ini juga dapat menyelesaikan masalah atau pertikaian hak milik ternakan.

Maka dengan ini adalah diarahkan agar APTVM Pendaftaran Tanda Pengenalan Kekal Haiwan digunakan sebagai rujukan bagi semua urusan yang berkaitan.



DATO' DR. KAMARUDIN BIN MD ISA
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PENDAFTARAN TANDA PENGENALAN KEKAL HAIWAN

1.0 PENGENALAN

Tanda pengenalan kekal haiwan ternakan adalah salah satu cara pengenalan ternakan yang kekal dan penting dalam pengesahan hak milik, kawalan penyakit serta daya jejak. Ianya adalah pengenalan kesemua ternakan bagi satu-satu premis. Terdapat beberapa jenis aplikasi tanda pengenalan kekal haiwan iaitu *Hot Iron Branding*, *Freeze Branding*, kacip pada telinga (*ear notching*) dan juga tanda cacah (*tattoo*).

Hot Iron Branding adalah teknik *brand* dengan menggunakan peralatan besi yang dipanaskan. Prosedur bagi teknik ini lebih mudah dan murah. Ia meninggalkan parut yang jelas dimana sel folikel rambut yang terdapat pada kulit ternakan berkenaan dimatikan. Pengguna harus berhati-hati kerana boleh menyebabkan kecederaan kepada pengguna dan ternakan akibat daripada besi panas yang digunakan. Ternakan haruslah dirawat agar luka tidak dihiringgapi lalat atau dijangkiti kuman selama beberapa hari sehingga kering. Dalam konteks kebajikan haiwan, teknik *brand* terutama *hot iron branding* mendapat perhatian antarabangsa kerana ianya melibatkan proses yang menyakitkan. Logo atau simbol yang dipamerkan melambangkan *brand* ladang tersebut.

Freeze branding pula ialah teknik yang menggunakan besi yang disejukkan. Ianya tidak merosakkan kulit kerana hanya sel pigment yang dimusnahkan. Peralatan yang diperlukan adalah besi kuprum, cecair nitrogen atau ais kering dan alkohol. Logo atau simbol yang dipamerkan melambangkan *brand* ladang tersebut.

Kacip pada telinga (*ear notching*) ialah teknik pengenalan haiwan yang dibuat pada telinga haiwan untuk membuktikan hak milik dengan mengacip bahagian tertentu pada cuping telinga. Kebaikan kaedah ini adalah, ianya kekal, cepat dan murah. Setiap penandaan ditentukan oleh kod yang telah ditetapkan yang melambangkan nombor kelompok dan nombor individu.

Tanda cacah (*tattooing*) ialah teknik pengenalan haiwan dengan memasukkan dakwat ke bawah permukaan kulit menggunakan jarum atau alat yang tertentu. Tanda cacah adalah kekal, jelas dan tidak

mudah diubah pada haiwan. Setiap tanda cacah menunjukkan kod angka dan huruf untuk setiap ladang.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memberi panduan kepada kakitangan DVS untuk melaksanakan tanda pengenalan kekal haiwan ternakan dan juga untuk tujuan latihan kepada penternak.
- 2.2 Memudahkan proses pemantauan dan dayajejak pergerakan ternakan
- 2.3 Mewujudkan panduan mengumpul dan mengemaskini data pendaftaran pengenalan ternakan.

3.0 SKOP

- 3.1 Pendaftaran tanda pengenalan hak milik binatang ternakan yang merangkumi lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan babi.
- 3.2 Jenis tanda pengenalan kekal yang disyorkan
- 3.3 Kaedah dan teknik tanda pengenalan kekal.
- 3.4 Kaedah perekodan di semua peringkat pengurusan jabatan.

4.0 DEFINISI

4.1 Tanda pengenalan kekal haiwan

Tanda pengenalan kekal haiwan adalah kaedah pengenalan ternakan yang kekal dan penting dalam pengesahan hak milik, kawalan penyakit serta daya jejak. Tanda ini adalah pengenalan untuk binatang ternakan khusus pada sesuatu premis.

4.2 *Hot branding*

Teknik pengenalan haiwan dengan menggunakan peralatan besi yang dipanaskan. Ia meninggalkan parut yang jelas di mana sel folikel rambut yang terdapat pada kulit ternakan berkenaan dimatikan.

4.3 **Freeze branding**

Teknik pengenalan haiwan menggunakan besi yang disejukkan dan tidak merosakkan kulit kerana hanya sel pigmen dimusnahkan.

4.4 **Kacip pada telinga (ear notching)**

Teknik pengenalan haiwan yang dibuat pada telinga haiwan untuk membuktikan hak milik dengan mengacip bahagian tertentu pada cuping telinga.

4.5 **Tanda cacah (Tattooing)**

Teknik pengenalan haiwan dengan memasukkan dakwat ke bawah permukaan kulit menggunakan jarum atau alat yang tertentu.

4.6 **Dayajejak**

Keupayaan menjejaki pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam rangkaian pengeluarannya samada selangkah kehadapan atau selangkah kebelakang.

4.7 **Premis**

Ladang, tempat, kandang, reban, rumah atau bangunan atau kawasan dimana ternakan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan ternakan.

4.8 **Ruminan**

Ruminan ialah haiwan mamalia yang mempunyai empat perut dan berkuku belah (*Cloven-footed*) iaitu lembu, kerbau, kambing dan biri-biri.

4.9 **Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah**

Pihak berkuasa veterinar di pejabat daerah yang dilantik secara rasmi dan diberi kuasa bagi menjalankan, tugas bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri di bawah Akta Binatang 1953.

4.10 **Ketua Bahagian Regulatori Veterinar Negeri**

Pihak berkuasa veterinar di pejabat veterinar negeri yang dilantik secara rasmi dan diberi kuasa bagi menjalankan tugas regulatori bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri di bawah Akta Binatang 1953.

5.0 **KATA SINGKATAN**

- 5.1 **APTVM** - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
- 5.2 **DVS** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- 5.3 **PPVD** - Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah
- 5.4 **KBR** - Ketua Bahagian Regulatori
- 5.5 **DVSN** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 5.6 **KPPV** - Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
- 5.7 **SKAPP** - Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
- 5.8 **IPPV** - Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar

6.0 **ARAHAN PROSEDUR TETAP**

Arahan ini perlu dilaksanakan oleh pegawai pendaftar tanda pengenalan kekal haiwan yang dilantik oleh Pengarah Veterinar Negeri/KPPV.

- 6.1 Tanggungjawab PPVD
 - 6.1.1 Memberi borang permohonan tanda pengenalan kekal kepada penternak.
 - 6.1.2 Menerima semula borang penternak yang telah lengkap diisi.
 - 6.1.3 Menyemak borang permohonan di peringkat daerah

- 6.1.4 Menghantar borang yang lengkap kepada KBR, DVSN untuk tindakan semakan.
 - 6.1.5 Menerima kad tanda pengenalan kekal dari KBR DVSN yang telah disahkan oleh SKAPP, IPPV (rujuk Lampiran 1)
 - 6.1.6 Memaklumkan pengesahan pendaftaran dan menyerahkan kad tanda pengenalan kekal kepada penternak.
- 6.2 Tanggungjawab KBR Negeri
- 6.2.1 Menerima borang permohonan tanda pengenalan kekal ternakan yang telah lengkap daripada PPVD.
 - 6.2.2 Menyemak tanda pengenalan kekal yang telah diterima dengan tanda pengenalan kekal dari daerah-daerah lain untuk memastikan tanda pengenalan kekal tersebut belum didaftarkan.
 - 6.2.3 KBR Negeri akan menghantar tanda pengenalan kekal ternakan kepada SKAPP, IPPV untuk semakan dan pengesahan.
 - 6.2.4 KBR Negeri akan mendapat maklumbalas tanda pengenalan kekal yang telah disahkan oleh SKAPP, IPPV dan disampaikan kepada PPVD untuk dimaklumkan kepada pemohon.
 - 6.2.5 KBR akan menghantar laporan pendaftaran tanda pengenalan kekal negeri kepada SKAPP setiap bulan.
- 6.3 Tanggungjawab SKAPP
- 6.3.1 Merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan pendaftaran tanda pengenalan kekal di negeri.
 - 6.3.2 Mengumpul dan merekod laporan bulanan pendaftaran tanda pengenalan kekal yang diterima dari setiap negeri.
 - 6.3.3 Memantau aktiviti tanda pengenalan kekal di setiap negeri.

- 6.3.4 Menerima borang permohonan tanda pengenalan kekal dari KBR Negeri untuk semakan dan pengesahan.
- 6.3.5 Memberi maklumbalas pengesahan tanda pengenalan kepada KBR Negeri.
- 6.4 Kriteria pemohon pendaftaran tanda pengenalan kekal
 - 6.4.1 Penternak, peraih, usahawan ternakan
 - 6.4.2 Warganegara Malaysia
 - 6.4.3 Berumur 18 tahun ke atas

7.0 PROSEDUR KERJA

- 7.1 Proses pendaftaran tanda pengenalan kekal
 - 7.1.1 Pengambilan borang permohonan pendaftaran tanda pengenalan kekal ternakan di PPVD (Rujuk Lampiran 2).
 - 7.1.2 Pemilihan tanda pengenalan kekal oleh penternak adalah seperti berikut;
 - 7.1.2.1 Kaedah *Hot/Freeze branding*,

Penternak akan memilih dan merekacipta simbol tanda pengenalan kekal dan melengkapkan borang permohonan bersama draf tanda pengenalan kekal yang dipilih. Simbol oleh berbentuk huruf, angka, karakter atau gambar yang sesuai dan mudah dilihat. (logo/symbol).
 - 7.1.2.2 Kaedah tanda cacah (*tattooing*)

Penternak perlu memilih blok huruf atau angka yang akan digunakan untuk tanda cacah.
 - 7.1.2.3 Kaedah kacip pada telinga (*ear notching*)

Penternak perlu mendapatkan nombor kod kacip telinga yang dikeluarkan oleh PPVD.

- 7.1.3 Borang dihantar oleh PPVD ke KBR, DVSN seterusnya ke DVS Putrajaya untuk semakan dan pengesahan tanda pengenalan kekal.
- 7.1.4 Pengesahan tanda pengenalan kekal dimaklumkan kepada penternak oleh Bahagian Regulatori setelah mendapat pengesahan dari SKAPP, IPPV melalui faksimili atau e-mail.
- 7.1.5 Tanda pengenalan kekal yang telah disahkan akan direkod dalam pendaftaran premis, e-permit 2 oleh SKAPP, IPPV dan PPVD.
- 7.1.6 Pengesahan tanda pengenalan kekal akan diproses dalam tempoh 10 hari bekerja.
- 7.1.7 Proses pendaftaran simbol untuk Kaedah *Hot/Freeze Branding*.
 - 7.1.7.1 Setelah mendapat pengesahan daripada DVSN, penternak hendaklah membawa besi *brand* yang telah diluluskan.
 - 7.1.7.2 Simbol hendaklah ditekap pada halaman kosong yang terdapat di borang pendaftaran menggunakan dakwat yang disediakan.
 - 7.1.7.3 Penternak perlu menyerahkan borang yang telah dicopkan tanda pengenalan kekal kepada PPVD dan pembayaran pendaftaran tanda pengenalan kekal perlu dibuat ke kaunter bayaran.
 - 7.1.7.4 Setiap pendaftaran tanda pengenalan kekal yang telah disahkan tidak boleh ditukar milik. Sekiranya pertukaran pemilik, perlu dimaklumkan kepada DVSN.
 - 7.1.7.5 Kad tanda pengenalan kekal akan dikeluarkan dalam tempoh sebulan.

7.2 Kesesuaian umur

Umur ternakan yang sesuai untuk di beri tanda pengenalan kekal adalah seperti berikut;

- i. Lembu/kerbau - 6 bulan
- ii. Kambing/biri-biri – 6 bulan
- iii. Babi – kurang dari 7 hari
- iv. Kuda – 6 bulan ke atas.

7.3 Pelaksanaan Tanda pengenalan kekal Ternakan

7.3.1 Pemilihan jenis tanda pengenalan kekal ternakan

7.3.1.1 Penternak memilih dan menetapkan simbol berbentuk angka, huruf, karakter atau gambar dan teknik tanda pengenalan kekal (*Hot Iron Branding*, *Freeze Branding*, tanda cacah atau kacip pada telinga) yang hendak digunakan bagi ladang ternakan kepunyaannya.

7.3.1.2 Proses membuat pembelian dan tempahan bagi aplikasi tanda pengenalan kekal kepada ternakannya adalah dibawah tanggungjawab penternak sendiri mengikut spesifikasi yang disyorkan.

7.3.1.3 Pelaksanaan tanda pengenalan kekal kepada ternakan boleh dilaksanakan oleh penternak sendiri atau dibantu oleh kakitangan DVS atau swasta.

7.4 Prosedur *Hot Iron Branding*

7.4.1 Peralatan untuk prosedur *hot branding* ialah:

- 1) Besi *branding*
- 2) Tempat pemanas/ unggun api
- 3) Ubat luka

7.4.2 Pastikan kawasan *brand* kering dan bersih. Bahagian badan *brand* hendaklah dikawasan yang dibenarkan. (Rujuk Lampiran 3)

- 7.4.3 Panaskan besi samada menggunakan alat pemanas ataupun unggun api.
- 7.4.4 Pastikan kepanasan besi pada suhu yang sesuai. Apabila besi yang dipanaskan berubah kepada warna merah, tunggu sehingga warna besi bertukar menjadi warna kelabu sebelum digunakan.
- 7.4.5 Tekap kepada kawasan *brand* selama 3-5 saat dengan tekanan yang sesuai
- 7.4.6 Tempat yang dibrand, disemur dengan ubat nyahlalat dan sekiranya luka, gunakan ubat luka sehingga luka kering.

Rujuk Lampiran 4 untuk peralatan dan kaedah *hot iron branding*

7.5 Prosedur *Freeze Branding*

- 7.5.1 Peralatan untuk prosedur *freeze branding* ialah:
 - 1) Berus
 - 2) Alkohol 70%
 - 3) Besi *branding*
 - Besi Tembaga atau kuprum
 - Ukuran : Tinggi 3-4inci, Tebal 3/8 sehingga ½ inci
 - 4) Cecair nitrogen atau campuran ais kering (5%) dan alkohol (95%)
 - 5) Kotak polisterin yang sesuai
 - 6) Sarung tangan penambat suhu
- 7.5.2 Pastikan kawasan *brand* kering dan bersih dengan menggunakan berus. Setelah bersih, sapukan dengan alkohol. Kawasan *brand* hendaklah dikawasan yang dibenarkan.
- 7.5.3 Rendam besi ke dalam cecair nitrogen atau campuran ais kering dan alkohol. Biarkan sampai cecair menggelegak berhenti.
- 7.5.4 Tekap pada kawasan *brand* dengan tekanan dan tempoh masa yang bersesuaian. (Rujuk Lampiran 5).

7.5.5 Tanda *brand* akan kelihatan selepas 4 minggu.

Rujuk Lampiran 6 untuk peralatan dan kaedah *freeze branding*

7.6 Prosedur tanda cacah (*tattooing*)

7.6.1 Bahagian kepala ternakan perlu dikekang dengan kemas.

7.6.2 Cuping telinga perlu dibersihkan dengan 70% alkohol.

7.6.3 Kenalpasti lokasi tanda cacah di cuping. Elakkan kawasan yang berlekuk dan bersalur darah.

7.6.4 Sapukan dakwat cacah yang bersesuaian pada lokasi yang hendak di tanda.

7.6.5 Pastikan angka yang akan dicacah disusun dengan betul. Tekapkan alat pencacah pada telinga.

7.6.6 Sapukan dakwat ke dalam lubang cacah yang telah dibuat.

7.6.7 Nombor ladang atau nombor individu yang ingin dicacah pada telinga perlu dipastikan sebelum mencacah.

Rujuk Lampiran 7 untuk peralatan tanda cacah

7.7 Prosedur kacip pada telinga (*ear notching*)

7.7.1 Bahagian kepala ternakan perlu dikekang dengan kemas.

7.7.2 Pengacip perlulah dalam keadaan tajam agar cuping telinga tidak terkoyak.

7.7.3 Pengacip perlu di nyahkuman selepas setiap kali proses mengacip.

7.7.4 Setiap kacipan perlu dibuat pantas dan kemas.

7.7.5 Pemerhatian perlu dibuat ke atas ternakan selepas beberapa jam dikacip untuk memastikan sebarang luka pada telinga di rawat.

7.7.6 Nombor kod kelompok dan nombor individu perlu dikenalpasti sebelum mengacip telinga.

Rujuk Lampiran 8 untuk peralatan kacip telinga dan kod *notching*.


8.0 RUJUKAN

- 8.1 Akta Binatang 1953 (semakan 2013)
- 8.2 APTVM Pengenalan Dan Dayajejak Haiwan, Hasil, Produk dan Premisnya APTVM 20(b):1/2010.
- 8.3 Department of Agriculture and Food, Livestock Identification and Movement:cattle and buffalo. www.agric.wa.gov.au. 2 Oktober 2014.
- 8.4 Buku Panduan Brand Ternakan DVS Malaysia 2014
- 8.5 Ear Notching. www.thejudgingconnection.com/pdfs. 3 Disember 2014

9.0 SENARAI LAMPIRAN

- 9.1 Lampiran 1 : Contoh Kad Pendaftaran Brand Ternakan
- 9.2 Lampiran 2 : Borang Permohonan Brand Ternakan
- 9.3 Lampiran 3 : Lokasi *branding* di badan ternakan
- 9.4 Lampiran 4 : Peralatan dan Kaedah *Hot Iron Branding*
- 9.5 Lampiran 5 : Tempoh tekanan besi *brand*
- 9.6 Lampiran 6 : Peralatan dan Kaedah *Freeze Branding*
- 9.7 Lampiran 7 : Peralatan dan Kaedah *Tattooing*
- 9.8 Lampiran 8 : Peralatan dan Kaedah *Ear Notching*

CARTA ALIR PENDAFTARAN BRAND




CONTOH KAD PENDAFTARAN BRAND

DEPAN

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KAD PENDAFTARAN BRAND TERNAKAN**

NO. ID PREMIS:
[...NAMA PEMILIK PREMIS.....]
[...NO. K.P.....]



BELAKANG

BRAND

[BRAND YANG DIDAFTAR]

DIKELUARKAN OLEH : [..LOKASI PPVD..]
TARIKH DIKELUARKAN :

BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN BRAND TERNAKAN

Borang P2-1



BORANG PENDAFTARAN *BRANDING*



ID PREMIS*:

*Setiap ladang hendaklah didaftarkan di dalam sistem e-Permit2. Sekiranya tiada ID premis, sila daftar ladang terlebih dahulu.

BUTIRAN PEMOHON

Nama	<input type="text"/>
No. KP	<input type="text"/>
No. HP	<input type="text"/>
No. Faks	<input type="text"/>
No. Tel:	<input type="text"/>
E-mel:	<input type="text"/>

BUTIRAN PREMIS

Nama Premis	<input type="text"/>
Alamat Premis	<input type="text"/>
Poskod:	<input type="text"/>
Negeri:	<input type="text"/>

Status Pemilikan Premis: Individu Kerajaan
 Syarikat Berkanun

Kenyataan Projek

Jenis Haiwan/ Ternakan

Bil	Jenis Ternakan	Tanda (X)
1	Lembu tenusu	
2	Lembu pedaging	
3	Lembu fidlot	
4	Kambing tenusu	
5	Kambing pedaging	
6	Kerbau tenusu	
7	Kerbau pedaging	
8	Berbiri	
9	Lain-lain	

Tandatangan Pemohon:


()

SILA LETAKKAN DRAF BRAND DI SINI

Borang P2-2

Tarikh:


(sila nyatakan ukuran tinggi dan tebal brand)




m/s 2/3

LAMPIRAN 3

LOKASI BRANDING DI BADAN HAIWAN



- | | |
|----|----------------|
| RH | : Paha Kanan |
| RR | : Rangka Kanan |
| RS | : Bahu Kanan |



- | | |
|----|---------------|
| LH | : Paha Kiri |
| LR | : Rangka Kiri |
| LS | : Bahu Kiri |

LAMPIRAN 4

PERALATAN HOT IRON BRANDING



Besi Hot Branding



Tempat pembakar besi



Ubat Luka dan penghalau serangga

KAEDAH HOT IRON BRANDING

Pastikan kawasan *branding* kering, bersih dan dicukur jika bulu tebal. Kawasan *branding* hendaklah di kawasan yang dibenarkan oleh DVS.



Panaskan besi samada menggunakan alat pemanas (seperti dalam gambarajah di bawah) atau unggun api



Pastikan kepanasan besi pada suhu yang sesuai. Apabila besi yang dipanaskan berubah kepada warna merah, tunggu sehingga warna besi berubah menjadi warna kelabu sebelum digunakan.



Tekap pada kawasan *branding* selama 3-5 saat dengan tekanan yang bersesuaian.



Rawat luka sehingga luka kering dan gunakan ubat penghalau serangga.



LAMPIRAN 5

TEMPOH MASA TEKAPAN BESI BAG TEKNIK FREEZE BRANDING

Spesis	Tempoh masa (saat)
Lembu Dewasa	8-12
Anak Lembu	25-30
Kambing/Biri-biri	25-30

LAMPIRAN 6

PERALATAN FREEZE BRANDING



Besi Freeze Branding



Tong cecair Nitrogen




Sarung tangan penebat suhu

PROSEDUR FREEZE BRANDING


Cukur bulu menggunakan pencukur jika bulu haiwan tebal.



Pilih bahagian badan ternakan yang telah disarankan.




Bersihkan kawasan *branding* menggunakan berus. Setelah bersih, sapukan dengan Alkohol 70%.



Rendam besi ke dalam cecair nitrogen atau campuran ais kering dan alkohol. Biarkan sampai cecair menggelegak berhenti.



Tekap pada kawasan *branding* dengan tekanan dan tempoh masa yang bersesuaian seperti di Lampiran 5.




LAMPIRAN 7

PERALATAN KAEDAH TATTOOING (TANDA CACAH)



Alat pencacah



Set Huruf dan Nombor



Dakwat cacah


LAMPIRAN 8

PERALATAN EAR NOTCH (KACIP TELINGA)



Alat kacip telinga

CONTOH KOD EAR NOTCHING



Contoh Kod kacip telinga untuk ternakan babi

1. Telinga kanan mewakili nombor kelompok
2. Telinga kiri mewakili nombor bilangan anak yang lahir dari satu ibu.

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN
ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA
PENDAFTARAN TANDA PENGENALAN KEKAL HAIWAN**

Penasihat : **YBhg. Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam**
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
(KV)

Disediakan oleh : **Dr. Siti Salmiyah binti Tahir**
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Dr. Nabilah binti Abd Talib
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Pulau Pinang

Dr. Zawida binti Zahari
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Dr. Nora binti Ismail
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Melaka

Dr. Khairul Anuar bin Muhammad
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Terengganu

En. Rasheedi Bin Abu Bakar
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang Terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Pendaftaran Tanda Pengenalan Kekal Haiwan, khususnya;

1. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
2. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
3. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
4. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
5. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
6. Semua Ketua Seksyen, IPPV



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA**